

20/03/2004

Rakyat bijaksana tidak lupa jasa 50 tahun BN

Azman Zakaria

KINI hanya tinggal kira-kira 24 jam saja lagi bagi detik perhitungan antara calon dan parti yang bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-11.

Dengan tempoh berkempen berakhir tengah malam ini, maka tentunya semua calon dan parti sudah selesai atau hampir selesai dalam menyampaikan mesej untuk memenangi hati pengundi di kawasan masing-masing.

Bagaimanapun, kempen pada saat-saat akhir masih rancak, terutama terhadap pengundi atas pagar kerana menyedari golongan itu boleh menjadi penentu kemenangan atau kekalahan, terutama di kawasan yang menjanjikan saingan sengit.

Terpulang kini kepada pengundi menilai mesej, isu dan segala janji yang dilafaz sebelum membuat pertimbangan secara rasional lagi bijaksana dalam menentukan landasan dan arah tuju pentadbiran negara untuk lima tahun akan datang.

"Masa depan negara di tangan anda," demikian mesej yang dibawa dalam media cetak dan elektronik.

Jika diperhatikan dan diteliti isu-isu yang pada pilihan raya umum kali ini, jelas tampak perbezaan ketara antara yang dibawa oleh Barisan Nasional (BN) dan oleh parti pembangkang.

Dalam tempoh sekarang sehingga sebelum pergi mengundi, rakyat boleh membuat penilaian sejauh masa janji yang dilafaz boleh dilaksanakan dalam negara pelbagai bangsa dan agama serta kesannya sama ada positif atau sebaliknya terhadap rakyat dan negara.

Berdasarkan hakikat itu, pengundi harus menimbang secara bijaksana untuk memastikan kemajuan dan pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat dapat dikemudi dengan berjaya dan cemerlang.

Isu yang dibawa oleh BN dalam siri ceramah mereka berpaksikan kepada manifesto BN yang membawa tema undi untuk masa depan negara yang gemilang, cemerlang dan terbilang dengan pelbagai program dirancang untuk membawa anjakan besar memastikan pembangunan berterusan bagi semua rakyat tanpa membezakan latar belakang kaum, agama serta kedudukan sesuatu kawasan.

BN mahukan rakyat memberi mandat besar untuk masa depan Malaysia yang 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.'

Dengan keupayaan yang telah terbukti memajukan negara meskipun dalam tempoh masa yang tidak pun sampai 50 tahun, BN berjaya membawa Malaysia ke tahap yang begitu tinggi sehingga diakui oleh banyak negara luar.

"Malaysia adalah yang termaju di kalangan negara membangun dan dijadikan contoh oleh negara Islam lain," demikian kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

BN yang didokongi 14 parti komponen, menggunakan pendekatan untuk membawa lonjakan besar bagi kesejahteraan rakyat dengan penekanan kepada semua perkara meliputi ekonomi, pembangunan seimbang, pendidikan, agama, pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai etika, undang-undang dan keselamatan awam serta dasar luar negara.

Pakatan pembangkang melalui Pas, Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia pula dengan manifesto bertemakan 'Bersama Malaysia Baru - Kesejahteraan Untuk Semua' berjanji membentuk 'Malaysia Baru' yang adil, aman dan makmur.

Manifesto itu antara lain berjanji untuk memansuhkan undang-undang yang didakwa menyekat kebebasan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Polis serta Akta Universiti dan Kolej serta pelbagai janji lain.

Dalam beberapa siri ceramah, calon Pas didakwa melakukan serangan peribadi terhadap calon dan kepimpinan BN serta menggunakan agama untuk menarik sokongan pengundi.

Dalam hal ini, BN menggunakan pendekatan yang jauh berbeza melalui hikmah, yang memberi gambaran kematangan BN.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi BN, sejak awal lagi meminta penceramah BN, terutamanya Umno supaya tidak menggunakan pendekatan menyerang peribadi seseorang kerana itu dianggap sesuatu yang tidak baik dan menyalahi agama.

Pas seperti dijangka menggunakan Islam dalam kempen mereka. Calon Pas bagi Parlimen Hulu Selangor dan DUN Gombak Setia, Datuk Ismail Kamus mendakwa kononnya tangan pengundi akan disoal di akhirat jika tidak mengundi calon Pas yang didakwanya memperjuangkan Islam.

Dengan pelbagai isu yang diketengahkan oleh parti bertanding, termasuk isu-isu remeh, jelas rakyat tentunya dapat membuat perhitungan bijaksana antara kaca dan permata.

Masa depan negara, dan 25 juta rakyat di negara ini termasuk generasi muda yang belum layak mengundi kerana berumur kurang daripada 21 tahun, bergantung kepada 9.83 juta yang layak mengundi.